A

Pendakwa Raya lwn Shahrul Izwan bin Ahmad Zaidi

B

MAHKAMAH TINGGI (TAIPING) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–10 TAHUN 2003
ZAKARIA SAM H
24 JANUARY 2008

C

Keterangan — Kerelevanan — Keterangan berkenaan fakta-fakta dalam persoalan — Tuduhan membunuh anak tiri — Sama ada kematian adalah akibat kemalangan dan bukan jenayah — Kegagalan membuat laporan polis dan tindakan menyembunyikan kematian — Sama ada kelakuan tertuduh relevan di bawah ss 8 dan 9 Akta Keterangan 1950

D

Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Penilaian kredibiliti berdasarkan demeanour — Tuduhan membunuh anak tiri — Tertuduh sentiasa tersenyum semasa memberi keterangan — Sama ada demeanour/tingkah laku bercanggah dengan keterangan bahawa beliau sayangkan si mati

E

Prosedur Jenayah — Rakan sejenayah — Tuduhan membunuh anak tiri — Isteri tertuduh dipaksa membuat laporan polis bahawa si mati hilang — Sama ada isteri tertuduh terlibat dengan pembunuhan — Sama ada isteri tertuduh memainkan peranan aktif

F

Undang-Undang Jenayah — Kanun Keseksaan — s 302 — Tuduhan membunuh anak tiri — Sama ada tuduhan terbukti

G

Tertuduh telah dituduh di bawah s 302 Kanun Keseksaan atas kesalahan membunuh seorang kanak-kanak ('si mati'). SP10 (ibu kandung si mati dan isteri tertuduh) telah memberi keterangan bahawa selepas berkahwin dengan tertuduh, SP10 telah membawa si mati tinggal bersamanya dan tertuduh.

H

Menurut SP10, tidak berapa lama selepas itu, layanan tertuduh terhadap si mati mula berubah dan tertuduh kerap memarahi si mati atas kesalahan-kesalahan kecil seperti si mati tidak boleh membaca. Si mati juga tidak dibenarkan bermain di luar rumah dan kerap dipukul sama ada dengan tangan atau dengan tuala muka yang diikat di hujungnya. Si mati juga kerap

I

diragging secara tentera. Sekiranya SP10 cuba menghalang penderaan, si mati akan didera lebih teruk dan SP10 sendiri akan dimarahi. SP10 dan tertuduh telah ditangkap polis lanjutan daripada kematian si mati. Semasa disoal balas oleh peguambela, SP10 mengatakan kandungan laporan polisnya yang si mati hilang di Bukit Merah Lake Town adalah laporannya tetapi dibuat atas

ugutan tertuduh. SP7 ('DSP Mohd Ismon') dalam keterangannya mengatakan bahawa SP10 telah mengaku bahawa anaknya yang dikatakan hilang sebenarnya telah mati dalam bulan Jun 2002 dan tertuduh telah menanam mayatnya di satu tempat di Sg Siput. Tertuduh telah menunjukkan tempat di mana mayat ditanam dan tulang-tulang rangka telah dijumpai. Peguambela tertuduh menghujahkan bahawa SP10 adalah seorang rakan sejenayah yang memainkan peranan yang aktif.

Diputuskan, mensabitkan dan menjatuhkan hukuman mati terhadap tertuduh:

(1) Apabila SP2 (bapa kepada SP10) memberitahu SP10 dan tertuduh yang ia hendak buat laporan polis akan kehilangan si mati, tertuduh telah merayu kepada SP2. Sekiranya benar SP10 yang menyebabkan kematian si mati mengapa tertuduh (dan bukan SP10) yang merayu kepada SP2. Ini adalah satu keterangan yang begitu kukuh terhadap tertuduh. Memandangkan kegagalan pembelaan memeriksa balas SP2, pembelaan dianggap mengakui keterangan SP2. Tiada sebab untuk mahkamah meragui keterangan SP2 kerana pada masa itu SP2 tidak mengesyaki tertuduh telah membunuh cucunya. SP2 adalah seorang saksi bebas (lihat perenggan 32, 34 & 37–38).

(2) Fakta bahawa si mati tidak dibawa ke hospital atau laporan polis dibuat, walaupun ia dikatakan kemalangan, iaitu si mati mati lemas, dan menyembunyikan kematian si mati adalah tindakan orang bersalah. Kelakuan tertuduh ini adalah relevan di bawah ss 8 dan 9 Akta Keterangan 1950. Tindakan-tindakan tertuduh yang tidak munasabah ini menunjukkan bahawa memang tertuduh dan bukannya SP10 yang telah menyebabkan kematian si mati (lihat perenggan 46–47).

(3) SP10 tidak terlibat langsung dengan pembunuhan si mati baik dari segi actus reus mahupun mens rea. SP10 hanya menyedari kematian si mati setelah si mati dibawa keluar dari bilik air oleh tertuduh. Di samping itu SP10 juga sentiasa menghadapi ugutan yang berterusan dari tertuduh. SP10 juga tiada pengetahuan awal yang tertuduh berniat untuk melakukan kesalahan yang dipertuduh. SP10 bukan seorang rakan sejenayah. Walaupun SP10 hendak dianggap 'accessory after the fact' peranannya adalah terlalu pasif kerana beliau tiada pilihan. Beliau adalah mangsa keadaan kerana terperangkap atas jenayah yang dilakukan oleh suaminya sendiri (lihat perenggan 55–57 & 60–61).

(4) Semasa memberi keterangan menceritakan detik-detik kejadian kematian mangsa, tertuduh sentiasa tersenyum. Malah semasa gambar si mati ditunjukkan kepadanya untuk pengecaman, tertuduh masih terus tersenyum. *Demeanour*/tingkah lakunya ini bercanggah dengan keterangannya yang menyatakan beliau sayangkan si mati dan terasa

dengan kematiannya. Tidak terdapat langsung tanda-tanda sedih pada air mukanya untuk menunjukkan rasa kesal ataupun rasa bersalah (lihat perenggan 63–65).

[English summary

The accused was charged under s 302 of the Penal Code for the offence of murdering a child ('the deceased'). SP10 (the biological mother of the deceased and the wife of the accused) testified that after getting married to the accused, SP10 brought the deceased to stay with her and the accused. According to SP10, after some time, the accused's treatment towards the deceased changed and the accused always scolded the deceased for minor mistakes, such as, when the deceased was unable to read. The deceased was also not allowed to play out of the house and was often beaten either by hand or with a face towel which was tied at its end. The deceased was also ragged military style. If SP10 tried to prevent the abuse, the deceased would be abused even more and SP10 herself would be scolded. SP10 and the accused had been arrested by the police following the death of the deceased. When questioned by defence counsel, SP10 stated that the contents of her police report that the deceased was missing at Bukit Merah Lake Town was indeed her report but it was lodged upon the accused's threat. SP7 ('DSP Mohd Ismon') in his testimony stated that SP10 had confessed that her child which was alleged to be missing had in fact died in June 2002 and the accused had buried her body at a place in Sg Siput. The accused had shown the place where the body was buried and skeletal remains were found. Counsel for the accused contended that SP10 was an accomplice who had played an active role.

Held, convicting and sentencing the accused to death:

(1) When SP2 (the father of SP10) told SP10 and the accused that he wanted to make a police report on the disapperance of the accused pleaded to SP2. If it was true that SP10 was the one who had caused the death of the deceased then why did the accused (and not SP10) plead to SP2. This was a strong evidence against the accused. In view of the failure by the defence to cross-examine SP2, the defence was presumed to have admitted the evidence of SP2. There was no reason for the court to doubt the evidence of SP2 as at that time SP2 did not suspect that the accused had killed his granddaughter. SP2 was an independent witness (see paras 32, 34 & 37–38).

(2) The fact that the deceased was not taken to the hospital and no police report was made, although it was said to be an accident, ie that the deceased had drowned, and concealing the death of the deceased goes to show the act of guilt. The acts of the accused were relevant under ss 8 and 9 of the Evidence Act 1950. The acts of the accused which was

unreasonable showed that it was the accused and not SP10 who had caused the death of the deceased (see paras 46–47).

(3) SP10 was never involved in the murder of the deceased whether by actus reus or mens rea. SP10 was only aware of the death of the deceased after the deceased was brought out from the bathroom by the accused. Apart from that SP10 had always faced continuous threats from the accused. SP10 also did not have prior knowledge that the accused intended to commit the offence as charged. SP10 was not an accomplice. Although SP10 wanted to be presumed as an accessory after the fact, her role was too passive as she had no choice. She was a victim of the situation as she was trapped with the crime committed by her own husband (see paras 55–57 & 60–61).

(4) While testifying about the moments of the victim's death, the accused was always smiling. In fact, when the photograph of the deceased was shown to him for identification, the accused was still smiling. His demeanour was conflicting with his testimony stating that he loved the deceased and was saddened by her death. There was no sign of sadness on his facial expression to show remorse or any feeling of guilt (see paras 63–65)]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai keterangan berkenaan fakta-fakta dalam persoalan, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2364–2365.
Untuk kes-kes mengenai kredibiliti saksi, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 2750–2779.
Untuk kes-kes mengenai rakan sejenayah secara am, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3–17.
Untuk kes-kes mengenai s 302 Kanun Keseksaan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1520–1579.

Kes-kes yang dirujuk

Harcharan Singh & Anor v PP [2005] 1 MLJ 593; [2005] 1 CLJ 11, MR (dibeza)
Kuan Ted Fatt v PP [1985] 1 MLJ 211; [1985] 1 CLJ 150, MP (dirujuk)
Wong Swee Chin v PP [1981] 1 MLJ 212, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 ss 8, 9

Amir Hakim bin Ahmad Nordin (Norazura bt Ahmad Mokhtar dan Hamdan bin Hamzah bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak pendakwaan.
Manjit Singh (K Subramaniam bersamanya) (Manjit Subra & Associates) bagi pihak tertuduh.

Zakaria Sam H:

[1] Pertuduhan ke atas tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25 Jun 2002 antara jam lebih kurang 7.00 malam di rumah No 13D, Batu 4 1/2, Kampung Pasir, Kamunting, Taiping di dalam Daerah Larut Matang dalam Negeri Perak, telah melakukan pembunuhan dengan menyebabkan kematian kepada Nur Syafrida bt Md Shukor, No Sijil Kelahiran: L 208293. Dengan ini kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama.

[2] Tertuduh menuntut dibicarakan.

KES PENDAKWAAN

Keterangan SP10

[3] Kes pendakwaan banyak bergantung kepada keterangan SP10 iaitu ibu kandung kepada si mati dan isteri kepada tertuduh.

[4] SP10, seorang janda telah berkahwin dengan tertuduh, seorang anggota tentera, dalam bulan Disember 2001.

[5] Dengan bekas suami pertamanya, SP10 mempunyai tiga orang anak. Si mati adalah anak bongsunya dan pada ketika kejadian baru berusia 4 1/2 tahun.

[6] Ketiga-tiga anak si mati dipelihara oleh ibubapa SP10 di Felda Palong 2, Gemas, Negeri Sembilan sejak mereka kecil lagi.

[7] SP10 juga mempunyai seorang anak di luar nikah hasil hubungannya dengan tertuduh, bernama Ahmad Daniel. Selepas anak itu dilahirkan ianya dipelihara oleh ibubapa tertuduh di Sg Siput (U).

[8] Selepas berkahwin dengan tertuduh, SP10 telah membawa si mati tinggal bersamanya dan tertuduh di Kg Pasir, Kamunting, Perak.

[9] Hubungan tertuduh dengan si mati ketika itu adalah baik.

[10] Sebulan kemudian tertuduh dan SP10 telah mengambil semula anak mereka Ahmad Daniel dari jagaan ibu tertuduh untuk tinggal bersama mereka. Ketika itu hubungan di antara tertuduh dengan si mati masih baik.

[11] Bagaimanapun sebulan kemudian ibubapa tertuduh telah datang ke rumah tertuduh semasa tertuduh bekerja dan mengambil semula Ahmad Daniel untuk tinggal bersama mereka di Sg Siput.

[12] Sejak hari itu menurut SP10, tertuduh berubah sikap dan menjadi panas baran. Tertuduh memberitahu SP10 beliau bosan kerana asyik melihat muka SP10 dan si mati sahaja. Layanan tertuduh terhadap si mati juga mula berubah. Tertuduh kerap memarahi si mati atas kesalahan-kesalahan kecil seperti si mati tidak boleh membaca. Si mati juga tidak dibenarkan bermain di luar rumah. Si mati kerap dipukul sama ada dengan tangan atau dengan tuala muka 'Good Morning' yang diikat di hujungnya. Si mati juga kerap *diragging* secara tentera seperti berdiri sebelah kaki, bertinggung dengan kedua-dua tangan di bawah pelipat paha, lari dari penjuru ke penjuru dalam rumah, didera mengangkat kotak berisi bantal dan buku. Adakalanya tertuduh *meragging* si mati walaupun si mati tidak melakukan sebarang kesalahan. Sekiranya SP10 cuba menghalang penderaan, si mati akan didera lebih teruk dan SP10 sendiri akan dimarahi.

[13] Menurut SP10 beliau takut untuk memberitahu ibubapanya di Gemas mengenai penderaan itu kerana beliau takutkan tertuduh. Tertuduh juga kerap memukulnya. Beliau juga tidak mempunyai wang untuk pulang ke kampung.

[14] Keterangan SP10 mengenai kematian si mati adalah seperti berikut:

> Saya keluar ke rumah Kak Normi lebih kurang 5.00 pm. Baru duduk di rumah Kak Normi sekejap saja hati saya rasa tidak sedap. Saya balik ke rumah dan saya lihat si mati sedang *diragging* — saya lihat si mati dalam keadaan mencangkung dengan kedua-dua tangan di belakang pelipat paha. Ketika itu OKT sedang baring di depan si mati sambil menghayun-hayunkan tuala good morning yang bucunya diikat. Masa itu si mati cuma memakai seluar pendek saja. Masa saya tinggalkannya tadi, dia pakai baju dan skirt.
>
> Bila nampak saya si mati beritahu saya dia (si mati) hendak mandi. Saya pun beritahu OKT 'abang sudahlah tu'. OKT terus cakap kepada si mati 'Oo bila nampak mama kau, berani kau minta itu dan ini'. Dia suruh si mati bangun dan berlari ke bilik ambil tuala, tidak boleh berjalan, mesti lari.
>
> OKT kemudian ikut si mati ke bilik air. Mereka berdua masuk ke bilik air. Biasanya OKT yang mandikan si mati kerana saya sedang mengandung.
>
> Dalam bilik saya tidak dengar apa-apa atau lihat apa-apa kerana saya menonton tv.
>
> Lebih kurang 15 minit kemudian saya dengar bunyi air, bunyi air dari getah paip diarahkan ke lantai. Tiba-tiba hati saya rasa tersentak seperti ada perkara tidak baik berlaku tetapi saya tidak pergi melihat dalam bilik air.
>
> Tidak lama kemudian OKT keluar dari bilik air dengan mendukung si mati dengan badan si mati menghala kepada saya sambil berkata 'ayang, baby dah mati'.

Saya bangun dan terus bertanya 'kenapa baby boleh mati' berkali-kali. Ia jawab 'abang tak tahu, abang tak bunuh' sambil meletakkan si mati di ruang tamu atas *carpet*.

Saya menangis sambil cuba buat pernafasan mulut (resuscitation) tetapi tiada tindak balas. OKT juga lakukan pernafasan ke atas si mati — juga tidak ada tindak balas.

Saya minta OKT dapatkan bantuan Kak Normi dan Kak Ngah jiran kami tetapi OKT kata 'diam, abang tak bunuh'. Saya benar-benar takut dengan OKT dan diam.

OKT masuk ke bilik dan ambil baju kurung si mati dan dia pakaikan si mati dengan baju. Bila dia hendak pakaikan kain si mati dia suruh saya angkat kaki si mati.

Bila saya angkat kaki si mati saya lihat ada lubang besar. Saya tidak pasti sama ada lubang di faraj atau duburnya dan lihat seperti ada usus yang macam nak terkeluar dari lubang itu. Saya lihat ada kesan lebam bulat-bulat pada tundun si mati. Pertama kali lihat lebam dan lubang itu.

Bila saya lihat lubang dan usus yang macam hendak terkeluar saya tanya OKT 'abang ni apa'. Dia jawab, 'sudah, baby dah mati'.

Saya duduk mengadap mayat dan OKT beritahu supaya duduk diam kerana dia hendak keluar cari kereta. Selepas azan Maghrib dia keluar.

Sepanjang masa OKT keluar saya cuma duduk menatap mayat. Tidak tahu hendak buat apa.

Setengah jam kemudian OKT balik bawa sebuah kereta Proton warna coklat. Nombor tidak ingat. Dia memang biasa pinjam kereta ini.

Kami lihat Kak Nah dan Kak Normi ada di belakang rumah Kak Nan. Kami tunggu hingga mereka masuk rumah. Bila mereka masuk ke rumah, baru OKT angkat si mati masuk ke kereta. (Zaiton bt Hashim dipanggil masuk). Ini yang saya panggil sebagai Kak Nah. (Normah bt Hashim dipanggil masuk). Ini yang saya panggil Kak Normi.

OKT letakkan mayat di tempat duduk belakang.

Kemudian OKT suruh saya bersiap. Saya pun bersiap dan dia suruh saya bawa sekali barang-barang keperluan untuk bersalin. Masa itu saya mengandung 8 bulan. Kami bertolak dengan kereta Proton.

Semasa hendak bertolak Kak Nah dan Kak Normi bertanya saya hendak ke mana. Saya jawab hendak balik kampung. OKT memandu ke rumah *in-chargenya* Sjn Zali di Kamunting. OKT tinggalkan saya dalam kereta dan dia jalan kaki ke rumah Sjn Zali. Ia pergi lebih kurang 20 minit. Dari dalam kereta saya dengar OKT kata kepada Sjn Zali dia hendak pinjam RM20. Saya nampak Sjn Zali beri duit kepada OKT.

Kemudian OKT memandu berpusing di Kamunting dan kemudian memandu ke arah Sg Siput.

Di Sg Siput OKT memandu kereta ke rumah opahnya di sebuah Rancangan Felda. Bila saya tanya hendak ke mana kerana itu kawasan hutan, dia marah dan suruh saya diam. Kemudian dia memandu masuk ke arah kampung opahnya. Kami

sampai satu kawasan berair. Bila saya tanya itu lautkah dia kata kawasan lombong. Kami berpatah balik dan berhenti di hadapan rumah lama OKT. Kami lihat lampu minyak dalam rumah. OKT turun seorang dan mengelilingi rumah itu dan kemudian naik kereta semula dan pandu ke arah Rancangan Perumahan Awam Rimba Panjang.

OKT berhentikan kereta di belakang rumah emaknya. Dia turun dan suruh saya tunggu dalam kereta. Rumah ibunya rumah hujung (corner lot). Dia pergi ke hadapan rumah ibunya. Di hadapan rumah itu ayah OKT ada buat kebun dan di belakang kebun itu ada belukar. Dia balik semula ke kereta dan beritahu saya biar dia seorang saja yang pergi dan saya tunggu dalam kereta. Saya beritahu saya hendak ikut juga.

Dia pandu dan *parking* depan rumah emaknya. Kami turun dari kereta. OKT suruh saya dukung mayat. Saya pun dukung tetapi sekerat jalan saya tidak berdaya kerana saya sarat mengandung. Fikiran saya tidak menentu. Dia ambil mayat dari saya dan marah kerana saya yang hendak ikut. Dia masuk ke dalam belukar dan saya ikut sama.

Bila berada dalam belukar dia suruh saya pangku mayat dan dia gali lubang. Setelah lubang siap OKT ambil lampin dan lapik dalam lubang dan letak mayat dalam lubang dan mula kambus tanah. Sambil mengambus tanah saya dengar OKT kata 'baby, uncle tak sengaja, uncle tak bunuh, uncle minta maaf'. Dia ada cakap lagi tetapi saya tidak dengar.

Setelah kambus lubang dia suruh saya baca doa. Saya tidak baca. Dia sendiri baca doa. Selepas selesai baca doa OKT masih berkata 'uncle minta maaf, uncle minta maaf'.

Kemudian kami pun keluar dari belukar dan terus balik ke Kamunting.

Bila sampai di Jambatan Sg Perak dia berhentikan kereta dan suruh saya buang skop (scoop) yang digunakan untuk gali lubang ke dalam Sg Perak.

Kami pun balik ke rumah. Saya tidak adukan perkara ini kepada sesiapa. OKT berpesan sekiranya orang bertanya si mati di mana, katakan telah dihantar ke rumah saudara di Sg Manik, Teluk Intan.

Saya tidak beritahu sesiapa akan kejadian ini kerana saya takutkan OKT kerana dia selalu memukul dan mengugut saya. Dia kata kalau cakap bukan-bukan dia akan bunuh saya, emak, ayah dan anak-anak saya di kampung.

(P5, P6 dirujuk kepada saksi). Ini ialah gambar anak saya Nur Syafrida dan surat beranaknya.

P9A-H adalah gambar rumah saya.

Gambar 5 gambar dalam bilik air.

Gambar ini diambil 6 bulan selepas kejadian. Masa itu kami masih menyewa rumah ini. Mayat anak saya diletakkan atas *carpet* dalam gambar 2.

Pada 21.12.02 lebih kurang 7.00 pagi ayah saya bersama ibu saya, 2 anak saya dan adik lelaki saya sampai ke rumah saya. Masa itu OKT sedang tidur.

Saya kejutkan OKT dan beritahunya emak ayah saya sampai. OKT macam tak percaya.

Bila OKT buka pintu saya dengar ayah saya bertanya 'di mana cucu aku?' OKT suruh ayah saya masuk dulu. Yang datang semua masuk ke rumah dan duduk. OKT sediakan minuman. Kemudian emak saya bertanya kepada saya di mana cucunya. Sebelum itu OKT berpesan jika ada orang bertanya di mana si mati saya hendaklah mereka-reka cerita. Saya pun tipu ibu bapa saya. Saya beritahu ibu dan ayah saya 'Baby hilang mak, di Lake Town Bukit Merah'.

Ayah saya tanya OKT 'macam mana cucu aku boleh hilang?' OKT jawab memang *baby* hilang masa kami bawa di Lake Town Bukit Merah.

Ayah saya berkeras mahukan cucunya juga dan dia beritahu dia hendak buat repot polis. OKT terus pegang kaki ayah saya dan berkata 'ayah, tolonglah jangan buat repot. Kasihankanlah saya dan anak saya. Masa itu saya sudah bersalin. Ayah saya terus keluar sambil beritahu dia hendak buat repot polis. Ibu saya, adik dan 2 anak saya ikut pergi.

20 minit kemudian ayah balik semula ke rumah saya dengan keretanya dengan ditemani seorang anggota polis. Polis minta OKT ikutnya ke balai kerana ayah saya ada buat repot cucunya hilang. Polis itu beritahu kerana anak itu dalam jagaan saya dan OKT, kami berdua perlu buat repot.

Sebelum ke balai OKT berpesan kepada saya dalam repot sebut anak hilang di Lake Town Bukit Merah.

Bila sampai di Balai Polis Kamunting saya buat repot polis kerana OKT sebelum itu telah berpesan supaya saya yang buat repot polis.

(P3 dirujuk kepada saksi) Inilah repot yang saya buat.

Selepas buat repot saya balik ke rumah. Ibu bapa dan 2 anak saya terus pulang ke kampung. Keesokan harinya ayah, ibu dan bekas suami saya datang sama ke Kamunting. Saya jumpa mereka di Balai Polis Semanggol. Saya ke balai polis dengan OKT kerana dipanggil polis.

Lagi sekali OKT suruh saya buat repot di Balai Polis Semanggol. Dia berpesan cakap cerita yang sama iaitu anak hilang di Lake Town Bukit Merah. Itulah cerita yang sama yang saya sebut kepada polis.

Q: Kamu beri *statement* atau buat repot?

A: Saya beri *statement*.

Semasa beri *statement* OKT ada bersama-sama saya. Dia tokok tambah cerita saya. Sebelum itu OKT telah ugut saya jika saya buka cerita dia akan buat anak kami yang baru lahir sama seperti apa yang dia buat pada si mati. Anak kecil saya masa itu berumur lebih kurang 4 bulan.

(Lihat nota keterangan ms 23–28.)

[15] SP10 dan tertuduh kemudiannya telah ditangkap polis. Setelah ditangkap keterangan SP10 seterusnya mengenai penemuan mayat si mati adalah seperti berikut:

Di Sg Siput kami berhenti di Taman Perumahan Awam Rimba Panjang. Kemudian kami ke rumah ibu OKT.

Di situ saya tunjukkan tempat di mana mayat si mati ditanam. Polis pun gali tetapi tidak jumpai. Bila polis cuba gali di tempat kedua, saya beritahu bukan di situ mayat ditanam. Saya beritahu saya tidak pasti tempat (spot) di mana si mati ditanam. Saya minta polis tunggu OKT sampai.

Bila OKT sampai ia tunjukkan tempat di belakang rumpun pisang. Saya beritahu bukan di situ tempatnya. Polis kemudian bertanya kepada OKT cuba ingat di mana kamu tanam. Saya lihat OKT macam tidak pasti.

Masa itu lebih kurang 8.00 malam. Polis padam lampu. Dalam gelap itu polis beritahu OKT 'ingat semula tempat dimana kamu tanam'.

Masa tanam mayat dulu lebih kurang 2.00–3.00 pagi. Keadaan samar-samar. Ada sedikit cahaya bulan.

Polis matikan lampu supaya keadaan tidak terang sama seperti masa mayat ditanam. 2 kali OKT pergi ke tempat ditanam mayat tetapi OKT tidak ingat. Pada kali ketiga baru OKT ingat di mana ditanam mayat. OKT tunjukkan tempat (the spot) dan polis gali pakai back-hoe dan kami lihat tulang-tulang si mati. Polis terus gali dengan tangan.

Dari lubang dijumpai baju kurung, kain lampin berwarna lumpur (kuning) dan rangka tulang. Baju kurung sepasang lengkap baju dan kain. Saya dan OKT kemudiannya dibawa ke Balai Polis Sg Siput. Saya ditahan di lokap tetapi tidak ingat balai mana.

Pada 21.1.03 saya dibebaskan di Mahkamah Taiping.

'Sebenarnya selepas mayat dijumpai saya tidak ditangkap. Saya cuma ditangkap pada 8.1.03 di rumah. Saya dibebaskan di Mahkamah Taiping pada 21.1.03'.

(ms 29–30 nota keterangan).

[16] Semasa disoalbalas oleh peguambela, SP10 mengatakan kandungan laporan polisnya (P3) yang si mati hilang di Bukit Merah Lake Town adalah laporannya tetapi dibuat atas ugutan tertuduh.

[17] Peguambela kemudiannya mencadangkan kepada SP10 bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh SP10 sendiri. Ini dinafikan oleh SP10. Keterangannya adalah seperti berikut:

Kata kamu: Kamu yang bawa si mati ke bilik air.

A: Tidak setuju.

Kata kamu: Pada masa kamu bawa si mati ke bilik air OKT berada di meja komputer dan main *game*.

A: Tidak setuju.

Kata kamu: Selepas kamu berada dengan si mati dalam bilik air selama 20 minit kamu panggil OKT dan kata 'abang, datang ke sini baby telah pengsan'.

A: Tidak setuju.

Katakan: Selepas memanggil OKT, OKT pergi ke bilik mandi dan bila OKT lihat baby terbaring pengsan atas lantai OKT bertanya kepada kamu 'apa dah jadi' tetapi kamu berdiam diri saja

A: Tidak setuju.

Katakan: Kamu tidak laporkan perkara ini dan tidak membenarkan OKT melaporkan perkara ini kepada pihak polis kerana kejadian ini berlaku ketika kamu berada dengan si mati dalam bilik air.

A: Tidak setuju.

Katakan: Segala cerita kamu dalam mahkamah adalah rekaan kamu supaya OKT disabitkan

A: Tidak setuju.

Q: Selepas kejadian siapa yang bawa si mati keluar dari bilik air.

A: OKT yang bawa keluar sambil berkata 'baby sudah mati'.

Katakan: Selepas OKT bawa keluar si mati dari bilik air, kamu telah pegang kaki OKT dan minta maaf dari OKT.

A: Tidak setuju.

Katakan: Selepas kamu minta maaf dari OKT kamu beritahu OKT cari guni supaya mayat si mati dapat dimasukkan ke dalam guni supaya mayat itu dibuang dalam sungai.

A: Tidak setuju.

Katakan: OKT tidak mengeluar kata-kata 'saya tidak bunuhnya'.

A: Tidak setuju. Ia ada kata begitu.

(Lihat ms 47–48 nota keterangan.)

Keterangan SP2 — (bapa kepada SP10)

[18] Menurut SP2 pada 14 April 2002 selepas SP10 berkahwin dengan tertuduh mereka telah datang ke rumahnya di Felda Palong 2, Gemas, Negeri Sembilan dan membawa si mati ke Taiping. Beliau membenarkannya dengan syarat si mati dikembalikan pada 1 Mei 2002. Pada 1 Mei 2002 si mati tidak dikembalikan dan beliau terus menunggu.

[19] Pada 22 Disember 2002 beliau dan isteri telah ke rumah tertuduh di Taiping untuk mengambil semula si mati. Menurut SP2:

> Bila sampai ke rumah mereka, saya bertanya anak saya dan OKT di mana cucu saya. Mereka berdua beritahu si mati telah hilang di Bukit Merah.
>
> Saya tanya berapa lama sudah hilang. Mereka jawab sejak bulan tujuh. Saya tanya pada mereka perkara ini sudah repot polis belum. OKT jawab 'tolong jangan repot, tolong jangan repot kalau repot kerja saya akan habis'.

Saya terus ke Balai Polis Kamunting untuk buat repot si mati yang hilang. Pihak polis Kamunting enggan terima repot saya kerana si mati tidak tinggal dengan saya. Dia suruh ibu si mati sendiri buat repot kerana saya beritahu polis si mati tinggal dengan ibunya.

Seorang anggota polis berpangkat L/Kpl ikut saya ke rumah anak saya dan eskot anak saya ke balai polis Kamunting. Di Balai Polis Kamunting anak saya buat repot si mati hilang. Selepas itu saya balik ke Felda Palong.

(Lihat ms 6–7 nota keterangan.)

[20] Semasa disoal semula SP2 memberitahu mahkamah:

Bila saya tanya di mana cucu saya mereka berdua mengelak-elak. Saya tidak puas hati dan naik radang. Saya hampir hendak tendang anak saya. OKT terus kata 'Noor Rasilah tidak bersalah. Saya yang salah'. Saya terus tanya OKT — kalau cucu saya benar hidup atau mati di mana kuburnya. Saya terus ke balai polis untuk buat repot kerana saya syak sesuatu yang tidak baik telah berlaku kepada si mati.

(Lihat ms 9 nota keterangan.)

[21] Keterangan lain-lain saksi pendakwaan adalah seperti berikut.

[22] SP7 — DSP Mohd Ismon bin Hj Suratman, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah dalam keterangannya mengatakan SP10 telah mengaku bahawa anaknya yang dikatakan hilang sebenarnya telah mati dalam bulan Jun 2002 dan tertuduh telah menanam mayatnya di satu tempat di Sg Siput. Beliau telah membawa SP10 ke Taman Rimba Panjang, Sg Siput (U) untuk mengenal pasti tempat di mana anaknya ditanam.

[23] Menurut SP7 tempat kejadian ialah belukar kawasan perumahan Taman Rimba Panjang. Belukar tersebut lebih kurang 100m dari taman perumahan tersebut. Oleh kerana tempat itu kawasan hutan beliau telah menggunakan *back-hoe* untuk membersihkan kawasan belukar untuk memudahkan kerja-kerja menggali dilakukan.

[24] Sebelum tertuduh sampai, polis telah menggali satu tempat (spot) yang ditunjukkan oleh SP10. Setelah menggali mereka tidak menjumpai apa-apa.

[25] Bila gagal menemui apa-apa beliau mengarahkan supaya tertuduh dibawa ke tempat kejadian. Tertuduh telah menunjukkan tempat di mana mayat ditanam. Tempat tulang-tulang rangka dijumpai ditunjukkan oleh tertuduh sendiri.

[26] Fakta mengenai terjumpanya mayat si mati dengan bantuan tertuduh tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

[27] SP13 — ahli kimia mengesahkan si mati adalah anak kepada SP10 dari suami pertamanya.

[28] SP14 — pakar pathologi forensik tidak dapat mempastikan sebab kematian kerana jasadnya hanya tinggal tulang dan organ dalaman telah tiada.

KEPUTUSAN DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[29] Berdasarkan keterangan-keterangan di atas saya berpuas hati bahawa terdapatnya kes prima facie terhadap tertuduh. Tertuduh telah dipanggil untuk membela diri. Tertuduh memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

PEMBELAAN TERTUDUH

[30] Di bawah adalah petikan keterangan pembelaan tertuduh.

Perhubungan saya dengan si mati baik — tiada masalah. Hubungan saya dengan SP10 juga baik.

Saya tidak ada memukul si mati tetapi ada mendenda si mati. Saya denda si mati kerana SP10 mengadu kepada saya yang si mati memukul anak jiran dengan penyapu. Saya tanya si mati betulkah, si mati jawab betul. Jadi saya denda dia supaya buat *scrambler* iaitu duduk bercangkung. Ini dilakukan di hadapan SP10. SP10 tidak membantah. Dia senyum sahaja.

Saya cuma denda si mati bila dia buat salah saja — tetapi itu bukan selalu.

Saya juga ada denda dia dengan bercangkung dan tangan diletakkan di bawah pelipat kaki.

Itu sahaja dua denda yang saya suruh si mati lakukan jika dia buat salah.

Semasa si mati tinggal dengan kami kesihatannya baik.

Setiap kali saya mendenda si mati SP10 ada bersama.

Pada 25.6.02 ialah tarikh kejadian si mati meninggal.

Pada 25.6.02 saya pergi kerja dari 7.00 pagi dan balik ke rumah 5.30 petang. Hari itu saya tidak balik sama ada pagi atau tengahari

Bila sampai di rumah saya lihat hanya si mati sahaja berada di rumah. Si mati sedang menengok buku. la pakai *gown* pendek (one piece) warna biru cerah. Saya bertanya si mati mama mana. Si mati jawab di rumah Makcik Noni iaitu jiran kami.

Lebih kurang 6.30 petang SP10 balik ke rumah. Di antara 5.30 petang hingga 6.30 petang sebelum SP10 balik, saya main komputer dan si mati berada di sebelah saya masih membelek-belek buku.

Bila SP10 balik bila lihat saya dan si mati masih belum mandi ia bising. Saya buat tak endah bila SP10 bising-bising.

Kemudian SP10 suruh si mati mandi. Si mati pergi ke bilik dan diikuti oleh SP10 dari belakang sambil membawa tuala mandi *baby*.

Bilik mandi dalam rumah berhampiran dapur di tingkat bawah.

Masa itu saya masih main komputer di ruang tamu. Jarak bilik mandi dari tempat saya main komputer lebih kurang 15 kaki.

...

Tingkap yang menghadap bilik air sentiasa tertutup.

Dari dalam ruang tamu saya dengar SP10 bising meleteri si mati. Apa yang dileterkan oleh SP10 tidak begitu jelas kepada saya.

Masa itu SP10 sedang mengandung 8 bulan anak kedua kami (Syazwan).

Kemudian keadaan tiba-tiba senyap. Saya ingat si mati sudah selesai mandi.

Lebih kurang 1 atau 2 minit kemudian SP10 memanggil saya. Kali pertama saya tidak menyahut. Kali kedua SP10 panggil saya kuat sedikit. Saya menyahut. Ia panggil saya ke bilik air. Saya pun pergi ke bilik air.

Bila saya sampai di bilik air saya lihat si mati terbaring di pangkuan SP10. Saya lihat si mati tidak sedarkan diri.

Saya terkejut dan bertanya SP10 'kenapa ni?' SP10 tidak jawab cuma kata 'mari tolong saya', tanya lagi 'kenapa?'. SPW jawab 'lemas'. Saya tanya macam mana boleh lemas sedangkan kolam tidak boleh pakai kerana bocor. Saya tanya macam mana boleh lemas SP10 tidak jawab.

Saya terus beri bantuan pernafasan kepada si mati dalam bilik air itu juga — mulut ke mulut. Saya tahu melakukan bantuan pernafasan mulut ke mulut. Saya ada masuk Persatuan Bulan Sabit Merah di sekolah dulu.

Selepas beri pernafasan mulut ke mulut air dan nasi keluar dari mulut si mati. Masa itu saya tidak periksa nadi si mati.

Selepas beri pernafasan mulut ke mulut saya mengerengkan badan si mati dan tekan dadanya — air dan nasi keluar dari mulutnya.

Saya beri bantuan pernafasan itu sehingga tidak keluar apa lagi — hanya keluar air — berapa lama bantuan diberi saya tidak pasti.

Masa itu saya tidak pasti sama ada si mati masih hidup atau sudah mati.

Saya kemudian dukung si mati dan bawa ke ruang tamu. Saya suruh SP10 ambil baju si mati. Masa itu si mati hanya memakai seluar dalam.

Saya dukung si mati kepalanya di bahu saya dan tangan saya menahan di belakangnya

Saya letakkan si mati atas karpet. Masa itu pun saya tidak tahu sama ada si mati masih hidup atau sudah mati.

Saya suruh SP10 ambil baju si mati untuk pakaikannya baju.

Saya dan SP10 salinkan pakaian si mati.

Saya terus berikan bantuan pernafasan dan periksa nadi dan degup jantung. Sambil itu saya bertanya SP10 macam mana boleh jadi macam ni. SP10 tidak jawab dan dia cuma menangis. Saya beritahu SP10 yang nadi dan degup jantung si mati sudah tidak ada. Saya risau. Masa itu saya tahu si mati telah meninggal dunia.

Saya beritahu SP10 saya hendak pergi repot polis. Dalam keadaan masih menangis SP10 memeluk saya dan minta tolong. Saya jawab 'nak tolong macam mana, budak ni dah mati'. Dia suruh saya tolong cuba selamatkan si mati. Saya jawab sudah mati. SP10 kata jangan pergi repot dulu. Saya tidak terus bawa si mati ke hospital kerana hendak berikan bantuan kecemasan dulu untuk cuba selamatkannya.

Saya tidak minta bantuan jiran kerana tidak teringatpun. Saya cuma fikirkan si mati saja. Saya buat pernafasan di bilik 3 atau 4 kali.

Si mati berada di ruang tamu lebih kurang 10 minit.

Bila SP10 minta saya jangan ke balai polis dulu, saya tanya dia 'habis nak buat apa, budak sudah mati'. SP10 terus menangis. Kami tidak banyak bercakap.

Kemudian SP10 beritahu saya 'kalau hendak repot polis boleh tetapi keadaan saya sekarang mengandung. Fikirkan anak dalam perut. Saya kata kepadanya tak apalah biar saya yang mengaku. SP10 kata lagi jika saya ditangkap macam mana keadaannya. Ibu bapanya pun tidak suka, sudah tentu emak ayahnya akan buang dia kerana si mati adalah cucu kesayangan emak dan ayahnya. Biar saya mengaku, maksud saya mengaku atas apa yang telah terjadi.

Kami berdua berfikir untuk buat apa.

Kemudian saya beritahu SP10 apa yang boleh saya buat ialah pergi tanam mayat si mati. Dia tanya nak tanam di mana.

Saya beritahu SP10 kawasan Kamunting saya tidak tahu sangat. Saya beritahunya untuk tanam di Sungai Siput.

Malam itu saya tanam si mati di Sg Siput dan kemudian balik semula ke Kg Pasir.

Semasa ditanam mayat itu saya minta maaf kepada si mati kerana kebumikannya tidak ikut prosedur Islam.

Semasa menanam si mati SP10 ikut sama. Isteri tidak bersembahyang atau berdoa.

Saya tidak adukan perkara ini kepada sesiapa.

Q: Kenapa tidak?

A: Kerana saya sudah tanam.

Q: Adakah kamu takut SP10 mengadu perkara ini kepada sesiapa?

A: Tidak, kerana ia sendiri faham apa yang kami telah buat.

Selepas beberapa bulan ibu bapa SP10 datang ke rumah kami iaitu bulan Disember 2002. Mereka datang untuk ambil balik si mati. SP10 beritahu ibunya, si mati telah hilang dekat Lake Town Bukit Merah. Saya dengar SP10 berkata begitu kepada ibu bapanya. Saya cuma cakap kepada bapa mertua saya 'sabarlah'.

Q: Ada kamu tarik kaki bapa mertua kamu?

A: Tidak.

Q: Ada kata kepadanya jangan buat report?

A: Tidak ada.

Bapa mertua saya kemudian pergi buat laporan polis. Lebih kurang 15 minit kemudian bapa mertua bersama seorang anggota polis datang ke rumah saya. Saya dan SP10 dibawa ke balai polis untuk buat laporan kehilangan si mati.

Isteri saya yang buat laporan polis. Saya berada di bahagian luar balai polis mendukung anak saya (Syazwan)

...

Lepas itu saya ditangkap di Balai Polis Semanggol.

Saya sendiri tidak tahu punca kematian si mati.

Bukan saya yang akibatkan kematian si mati.

Bukan saya yang mandikan si mati pada petang kematiannya.

Q: Ada kamu kata kepada SP10 'saya tidak bunuh baby?

A: Tidak.

(Lihat ms 123–127 nota keterangan.)

ANALISA KETERANGAN

[31] Setelah mendengar keterangan tertuduh saya dapati fakta-fakta berikut tidak disangkal.

[32] Apabila SP2 memberitahu SP10 dan tertuduh yang ia hendak buat repot polis akan kehilangan si mati, tertuduh telah merayu kepada SP2 dengan berkata:

Tolong jangan repot, tolong jangan repot. Kalau repot kerja saya akan habis.

(Lihat ms 6 nota keterangan.)

[33] Keterangan SP2 ini disokong oleh SP10 yang berkata:

Ayah saya berkeras mahukan cucunya juga dan ia beritahu ia hendak buat repot. OKT terus pegang kaki ayah saya dan berkata 'ayah tolong jangan buat repot, kesiankanlah saya dan anak saya.'

(Lihat ms 27 nota keterangan.)

[34] Isunya ialah sekiranya benar SP10 yang menyebabkan kematian si mati mengapa tertuduh pula (dan bukan SP10) yang merayu dan sekiranya bukan tertuduh yang membunuh mengapa pula kerjanya akan habis.

[35] SP2 dalam pemeriksaan semula memberi keterangan:

> Bila saya tanya di mana cucu saya, mereka berdua mengelak-elak. Saya tidak puas hati dan naik radang. Saya hampir hendak tendang anak saya dan tertuduh terus berkata 'Rasilah tidak bersalah. Saya yang salah'.

(Lihat ms 9 nota keterangan.)

[36] Mahkamah telah memberi peluang kepada pihak pembelaan untuk memeriksa balas atas keterangan tambahan ini tetapi pembelaan memilih untuk tidak memeriksa balas.

[37] Ini adalah satu keterangan yang begitu kukuh terhadap tertuduh. Kegagalan pembelaan memeriksa balas saksi ini, pembelaan dianggap mengakui keterangan SP2 (tantamount to an admission of the evidence of SP2). Telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212 bahawa:

> There is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's terstimony.

[38] Tiada sebab untuk mahkamah meragui keterangan SP2 kerana pada masa itu SP2 tidak mengesyaki tertuduh telah membunuh cucunya. SP2 adalah seorang saksi bebas.

[39] Keterangan berikut dari SP10 juga tidak dipertikaikan.

(a) Tertuduh membawa keluar mayat si mati dari bilik mandi dan berkata, 'Ayang, baby sudah mati' dan tertuduh tidak membenarkan SP10 mendapatkan pertolongan dari jiran-jiran (ms 23 nota keterangan.)

(b) Sambil mengambus mayat tertuduh berkata,

(i) 'baby, uncle tak sengaja, uncle tak bunuh, uncle minta maaf' (ms 26 nota keterangan).

(ii) selepas berdoa, tertuduh masih berkata 'uncle minta maaf, uncle minta maaf (ms 26 nota keterangan).

[40] Versi tertuduh ialah SP10 yang memandikan si mati. SP10 memberitahunya yang *baby* lemas. Tetapi semasa SP10 disoalbalas, peguambela telah mencadangkan kepada SP10 bahawa SP10 mengatakan *baby* pengsan. Lemas dan pengsan adalah dua fakta yang berbeza sama sekali. Adalah jelas pembelaan tertuduh tidak konsisten. Ini menunjukkan pembelaan tertuduh adalah rekaannya.

[41] Persoalannya di sini, bagaimana si mati boleh mati lemas sedangkan tertuduh sendiri mengatakan kolam air bocor dan tidak boleh digunakan.

[42] Kalau kolam tidak ada air bagaimana seorang budak berusia lima tahun boleh mati lemas. Masakan SP10 akan membiarkan anaknya mati lemas baru hendak memanggil tertuduh?

[43] Tertuduh juga mengatakan ketika SP10 memandikan si mati, si mati memakai seluar dalam — fakta ini tidak diajukan kepada SP10 kerana SP10 ada mengatakan apabila tertuduh membawa keluar si mati, si mati dalam keadaan bogel dan kelihatan seperti usus telah terkeluar dari faraj atau dubur si mati.

[44] Tertuduh telah memberi keterangan bahawa bila diberi pertolongan cemas, si mati telah memuntahkan air dan makanan. Ini menunjukkan si mati masih hidup. Sekiranya benar seperti dikatakan oleh tertuduh bahawa si mati pengsan atau lemas kenapa perlu tertuduh memakaikan si mati dengan pakaian yang lengkap? Bukankah sepatutnya si mati dibawa segera ke klinik yang terletak hanya sepuluh minit dari rumahnya.

[45] Si mati dipakaikan pakaian yang lengkap kerana si mati telah meninggal dunia dan ianya bertujuan untuk mengaburi mata jiran iaitu SP16 bahawa si mati sedang tidur dan hendak dihantar ke rumah datuknya di Sg Siput (U) — persediaan untuk melupuskan mayat.

[46] Jika benar kata tertuduh bahawa kejadian itu satu kemalangan iaitu si mati mati lemas, kenapa si mati tidak dibawa ke hospital atau laporan polis dibuat memandangkan kemalangan yang berlaku bukan satu jenayah? Apa perlu untuk sembunyikan kematian dan bersusah payah menanam mayat di Sg Siput (U) di dalam hutan? Ini adalah tindakan orang yang bersalah. Kelakuan tertuduh ini adalah relevan di bawah ss 8 dan 9 Akta Keterangan 1950.

[47] Menanam mayat adalah tindakan tertuduh yang terdesak untuk menutup jenayah yang dilakukannya tanpa memikirkan bahawa datuk si mati (SP2) pasti akan datang mencari cucunya kerana menurut SP2, si mati hanya dibenarkan tinggal dengan mereka sekejap sahaja. Bapa sebenar si mati

juga sudah tentu akan turut mencari si mati. Kebenaran akan terbongkar juga akhirnya. Adalah lebih mudah melaporkan kepada polis bahawa apa yang berlaku adalah suatu kemalangan dari melupuskan mayat si mati dan kemudian memberikan alasan yang tidak munasabah bahawa si mati telah hilang di Bukit Merah Resort tetapi laporan polis tidak dibuat. Tindakan-tindakan tertuduh yang tidak munasabah ini menunjukkan bahawa memang tertuduh dan bukannya SP10 yang telah menyebabkan kematian si mati.

[48] Tertuduh menuduh SP10 mereka-reka cerita yang dia (tertuduh) telah membunuh si mati supaya tertuduh disabitkan. Apa perlu SP10 menganiaya tertuduh kalau tertuduh tidak membunuh si mati sekiranya kematian itu hanyalah satu kemalangan sahaja.

[49] Penjelasan yang ketara kenapa si mati tidak dibawa berjumpa doktor adalah untuk mengelakkan punca kematian sebenar terbongkar kerana SP10 ada mengatakan dia melihat seperti usus terkeluar dari faraj atau dubur si mati, suatu fakta yang tidak dipertikaikan oleh tertuduh.

[50] Dalam pembelaannya tertuduh memberikan keterangan berikut:

> Bila SP10 minta saya jangan ke balai polis dulu, saya tanya dia 'habis nak buat apa, budak sudah mati'. SP10 terus menangis. Kami tidak banyak bercakap.
>
> Kemudian SP10 beritahu saya 'kalau hendak repot polis boleh tetapi keadaan saya sedang mengandung. Fikirkan anak dalam perut'. Saya kata kepadanya tak apalah biar saya yang mengaku. SP10 kata lagi jika saya ditangkap macam mana keadaannya. Ibu bapanya pun tidak suka, sudah tentu emak ayahnya akan buang dia kerana si mati adalah cucu kesayangan emak dan ayahnya. Biar saya mengaku, maksud saya mengaku atas apa yang telah terjadi.

(Lihat ms 125–126 nota keterangan.)

[51] Persoalannya di sini mengapakah keterangan pembelaan yang sebegini penting (jika benar) tidak diajukan (put to) kepada SP10 semasa beliau disoal balas panjang lebar oleh peguambela. Ini menunjukkan pembelaan ini adalah rekaan tertuduh semata-mata apabila dipanggil membela diri.

Adakah SP10 rakan sejenayah atau pun 'an accessory after the fact'

[52] Peguambela tertuduh telah menghujahkan bahawa SP10 adalah seorang rakan sejenayah yang memainkan peranan yang aktif. Bahkan telah menolong tertuduh melupuskan mayat anaknya. Peguambela juga berhujah bahawa SP10 adalah seorang pembohong. Beliau telah berbohong kepada jirannya bahawa si mati adalah anak saudaranya. Beliau juga telah berbohong

kepada bapanya (SP2) mengenai kehilangan anaknya. Oleh itu keterangan SP10 perlu disokong kerana beliau adalah rakan sejenayah yang aktif.

[53] Sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Harcharan Singh & Anor v Public Prosecutor* [2005] 1 MLJ 593; [2005] 1 CLJ 11:

> The question of whether an accessory after the fact is an accomplice is academic as his evidence must be considered on the same principles on that of an accomplice. Where he has played an active role his evidence must be corroborated. On the other hand if his role has been passive his evidence may be accepted with the usual corroboration warning.

[54] Dalam kes *Harcharan Singh*, SP9 telah melihat bagaimana si mati dibunuh, beliau telah menolong melupuskan mayat si mati dan tidak memberitahu sesiapapun apa yang beliau telah lihat dan bantuan yang diberikannya. Mahkamah memutuskan beliau adalah 'an accessory after the fact'. Keputusan Mahkamah Rayuan ini juga berasaskan kepada fakta-fakta bahawa SP9 juga adalah seorang anggota polis. Beliau bersetuju untuk menjadi saksi pendakwaan, oleh kerana itu beliau tidak dipertuduh. Tidak ada sebarang ugutan dibuat ke atas SP9 oleh mana-mana tertuduh.

[55] Fakta kes yang dibicarakan ini berbeza dari kes *Harcharan*. Dalam kes ini SP10 tidak terlibat langsung dengan pembunuhan si mati baik dari segi actus reus mahupun mens rea. SP10 hanya menyedari kematian si mati setelah si mati dibawa keluar dari bilik air oleh tertuduh.

[56] Disamping itu SP10 juga sentiasa menghadapi ugutan yang berterusan dari tertuduh. Ini dapat dilihat dari keterangan beliau.

Q: Isi kandungan P3 (laporan polis) kamu yang beritahu polis.

A: Setuju, tetapi saya buat cerita ini di atas ugutan OKT. Katanya kalau saya beritahu cerita yang sebenar dia akan bunuh anak bongsu kami, Ahmad Daniel Farzuan yang tinggal dengan ibunya.

Q: Bila OKT mula-mula ugut kamu begitu?

A: Selepas si mati ditanam.

Q: OKT ugut kamu dalam bulan Jun, kenapa kamu masih tinggal dengannya?.

A: Saya tidak tahu ke mana hendak pergi. Dia juga pernah ugut sekiranya saya tinggalkannya, dia ugut akan bunuh kedua-dua ibu bapa saya dan 2 anak saya dengan Shukor.

Q: Selepas OKT ugut kamu dalam bulan Jun kamu punya banyak peluang untuk melarikan diri.

A: Setuju.

A Q: Kamu juga boleh melarikan diri ke rumah ibubapa kamu ke Felda Palong 2.

A: Saya tiada duit untuk balik ke Felda Palong. Dia juga kerap balik ke rumah dari tempat kerja untuk pastikan saya tidak melarikan diri.

B Q: Sekiranya hendak melarikan diri kamu hanya perlu 5 atau 10 minit saja.

A: Tidak setuju kerana anak saya baru lahir perlu bawa sama barang-barangnya. Dia juga perlu diberikan susu. Saya tidak ada duit.

Q: Anak bongsu lahir pada 30.7.01 sebelum itu boleh larikan diri.

C A: Tidak setuju.

Q: Sebelum P3 dibuat kamu boleh beritahu polis kerana diugut untuk buat P3.

A: Tidak setuju kerana OKT sentiasa ada dengan saya.

(Lihat ms 44–45 nota keterangan.)

D **[57]** SP10 juga tiada pengetahuan awal (prior knowledge) yang tertuduh berniat untuk melakukan kesalahan yang dipertuduh — Lihat *Kuan Ted Fatt v Public Prosecutor* [1985] 1 MLJ 211; [1985] 1 CLJ 150 dan kes *Harcharan Singh*.

E **[58]** SP10 adalah isteri kepada tertuduh yang panas baran. Beliau berada jauh dari kampung halamannya di Gemas Negeri Sembilan tanpa saudara mara berhampiran.

F **[59]** SP10 tidak pernah mengatakan beliau bersetuju untuk menjadi saksi pendakwaan untuk menyelamatkan dirinya dari dipertuduh di mahkamah.

[60] Saya memutuskan SP10 bukan seorang rakan sejenayah.

G **[61]** Walaupun SP10 hendak dianggap 'accessory after the fact' peranannya adalah terlalu pasif kerana beliau tiada pilihan. Beliau adalah mangsa keadaan kerana terperangkap atas jenayah yang dilakukan oleh suaminya sendiri.

H **[62]** Walau apa pun peranan SP10, keterangan yang ada lebih dari mencukupi untuk menunjukkan tertuduh bersalah, termasuk keterangan sokongan dari bapanya (SP2) dan juga tindakan-tindakan tertuduh yang tidak munasabah seperti yang telah dibincangkan di atas.

I *Sikap/tingkahlaku tertuduh (demeanour)*

[63] Semasa memberi keterangan menceritakan detik-detik kejadian kematian mangsa, tertuduh sentiasa tersenyum. Malah semasa gambar si mati ditunjukkan kepadanya untuk pengecaman, tertuduh masih terus tersenyum.

[64] *Demeanour*/tingkah lakunya ini bercanggah dengan keterangannya yang menyatakan beliau sayangkan si mati dan terasa dengan kematiannya.

[65] Sesuatu kematian sama ada disengajakan atau diakibatkan oleh suatu kemalangan adalah satu kejadian yang amat serius dan menyedihkan, oleh itu kenapa pula tertuduh sentiasa tersenyum? Tidak terdapat langsung tanda-tanda sedih pada air mukanya untuk menunjukkan rasa kesal ataupun rasa bersalah.

KESIMPULAN

[66] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya berpuas hati bahawa tertuduh telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan.

[67] Tertuduh dengan ini disabitkan di atas pertuduhan membunuh dan dijatuhkan hukuman mati ke atasnya.

Tertuduh disabitkan dan dijatuhkan hukuman mati.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum